

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan pelaburan Malaysia di luar negeri dan pelaburan asing dalam negeri sehingga kini berikutan kesan penularan pandemik COVID-19 dan tindakan Kerajaan melaksanakan PKP dan PKPP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia masih kekal dan terus menjadi destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing terutamanya dalam projek-projek pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi. Malah, syarikat-syarikat Malaysia turut mengembangkan sayap operasi mereka di luar negara, sekaligus mencerminkan daya saing industri tempatan dalam pasaran global.

2. Seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar pada suku ketiga 2020 mencatatkan kemerosotan sebanyak 2.7 peratus. Penguncupan kadar KDNK yang jauh lebih kecil pada suku ketiga tahun ini berbanding suku kedua iaitu -17.1 peratus mencerminkan kegiatan ekonomi yang semakin meningkat dengan ketara. Ini berikutan pembukaan semula ekonomi selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan keadaan permintaan global yang lebih baik. Prestasi perdagangan negara juga meningkat pada suku ketiga tahun ini, di mana jumlah perdagangan, eksport dan import merekodkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 17.3 peratus, 24 peratus dan 9.6 peratus berbanding suku kedua tahun 2020. Lebihan dagangan pula melonjak 118.6 peratus.

3. Selain daripada itu, langkah Kerajaan yang mengimbangi pengawalan penularan pandemik COVID-19 dengan pembukaan semula ekonomi secara berfasa telah mengukuhkan keyakinan pelabur. Hasil daripada itu, pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi telah menunjukkan peningkatan sebanyak 110.4 peratus iaitu daripada RM22.1 bilion pada suku tahun kedua kepada RM46.5 bilion pada suku tahun ketiga.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, pelaburan Malaysia di luar negara meningkat sebanyak 3.8 peratus kepada RM521.9 bilion pada suku tahun kedua 2020. Pelaburan ini adalah daripada sektor

kewangan (42.5 peratus); diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian (15.9 peratus); dan pertanian (8.4 peratus). Pelaburan Malaysia di luar negara adalah lebih tertumpu di rantau Asia (51.8 peratus) termasuk Singapura (20.3 peratus) dan Indonesia (9.5 peratus).

5. Bagi tempoh Januari hingga September 2020, pelaburan di dalam negara yang diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama adalah berjumlah RM109.8 bilion, melibatkan 2,935 projek dan dijangka akan dapat mewujudkan lebih daripada 64,701 peluang pekerjaan. Sejumlah 786 projek pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan nilai RM35.8 bilion sedang dinilai oleh MIDA setakat 31 Oktober 2020.

6. Daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan, pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment* - FDI) menyumbang sebanyak 38.8 peratus yang bernilai RM42.6 bilion. Di antara penyumbang terbesar FDI adalah dari negara China (RM17.0 bilion), Singapura (RM8.0 bilion), Amerika Syarikat (RM2.8 bilion), Switzerland (RM2.8 bilion) dan Belanda (RM2.4 bilion).

7. Setakat 31 Oktober 2020, Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sedang menilai sejumlah 786 projek pelaburan dengan nilai RM35.8 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah mengenal pasti 23 projek berprofil tinggi (*high profile leads*) dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan pelaburan berpotensi bernilai RM75.4 bilion yang disasar bagi tahun 2021 merangkumi para pelabur asing daripada pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.